

Lelaki Warga India Maut Terjun Bangunan Hospital

Oleh: Nurul Khairin Rusli, 1180229

TEMERLOH: Seorang lelaki warga India yang menerima rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) ditemui mati dipercayai terjun dari tingkat tujuh bangunan hospital di sini, semalam.

Mayat lelaki berusia 30-an itu ditemui pengawal keselamatan semasa melakukan rondaan di kawasan hospital tersebut pada jam 9.10 pagi.



Gambar Hiasan

Jururawat yang bertugas di wad berkenaan, Nurul Ain Rosli, 28, membuat aduan kepada pihak keselamatan hospital untuk menjalankan pencarian terhadap lelaki itu setelah menyedari ketiadaan mangsa di katilnya semalaman.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Mohd Azmi Mohd Nor berkata, anggota polis menerima panggilan dari pihak hospital mengenai lelaki India berkenaan yang terjun dari bangunan pada 9.20 pagi.

“Pasukan polis Temerloh kemudian bergegas ke HOSHAS pada jam 9.25 pagi dan mendapati laporan tersebut adalah benar.

“Hasil siasatan dan temu bual dengan jururawat yang merawat lelaki berkenaan mendapati mangsa mempunyai sakit mental yang berkemungkinan menyebabkan tindakan tersebut dilakukan,” katanya.



Gambar Hiasan

“Mangsa kelihatan marah dan murung apabila doktor yang merawatnya tidak membenarkan lelaki itu untuk pulang ke rumah.

“Kematian mangsa diklasifikasikan sebagai mati mengejut,” katanya lagi.